

PTPTN komited memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggannya termasuk menyediakan Pusat Sehenti untuk rujukan dan mendapat maklumat yang tepat serta terkini.



# Caj 1 peratus mulai Januari

**P**erbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan mula mengenakan caj perkhidmatan satu peratus kepada peminjam lamanya berkuat kuasa 1 Januari 2009.

Pada awalnya PTPTN mengumumkan akan menguatkuasakan kadar caj itu pada Jun lalu tetapi menundanya kerana memerlukan masa bagi menguruskan pelarasan dan prosedur baru untuk peminjam lama.

Menteri Pengajian Tinggi, **Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin** berkata, antara perkara yang perlu diselesaikan terlebih dahulu ialah dokumentasi yang melibatkan perubahan kontrak peminjam lama.

Caj perkhidmatan pinjaman PIPTN sebelum ini adalah tiga peratus bagi pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda manakala peminjam pembiayaan peringkat sarjana dan ijazah kedoktoran dikenakan caj lima peratus.

Dalam pada itu PTPTN telah memperuntukkan sejumlah RM25.9 bilion bagi memberi pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi tempatan (IPT) di negara ini.

Menurut Mohamed Khaled, pinjaman pelajaran itu diluluskan kepada seramai 1,254,596 pelajar di negara ini bermula dari 1997 sehingga 31 Ogos 2008.

Beliau berkata, dengan kemasukan seramai 200,000 pelajar setiap tahun di IPT, PTPTN sebagai agensi utama yang menyediakan pembiayaan bagi tujuan pendidikan tinggi di Malaysia akan terus melaksanakan tanggungjawab yang diberikan supaya memuaskan hati semua pihak.

Katanya, kerajaan melihat prestasi tersebut wajar dipertingkatkan dan mutu perkhidmatan sedia ada juga wajar diperkembangkan.

"Malah sudah menjadi hasrat dan impian kita sebagai sebuah kerajaan yang prihatin untuk menyediakan

segala kemudahan serta memenuhi kemahuan masyarakat selagi termampu wajar dikotakan,"katanya.

Penubuhan *Info Center* PTPTN diharapkan menjadi sumber rujukan kepada semua IPT dan ejen bank yang dilantik untuk menyelesaikan masalah berkaitan pinjaman pelajar.

Antara perkhidmatan yang bakal ditawarkan oleh *Info Center* PTPTN itu ialah perkhidmatan kaunter pertanyaan berkaitan pinjaman PIPTN termasuk IPT, hal-hal berkaitan kutipan balik pinjaman serta urusan berkaitan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN).

Penubuhannya akan dapat mengurangkan panggilan ke Unit Panggilan Pusat PTPTN yang mencecah purata sebanyak 1,500 panggilan sehari.

Dalam pada itu, Maybank telah dilantik menjadi salah satu ejen SSPN setelah memorandum persefahaman (MOU) ditandatangani oleh kedua-dua pihak baru-baru ini.

Pemeteraian perjanjian itu menjadi-

kan Maybank sebagai bank pertama di negara ini yang menawarkan perkhidmatan penabungan kepada pelanggannya menerusi lima saluran perbankan iaitu mesin pengeluaran wang automatik (ATM), mesin deposit tunai (CDM), kaunter cawangan Maybank, perbankan Internet Maybank2u.com dan Kawanku *Phone Banking*.

Maybank merupakan bank pertama di Malaysia menawarkan kemudahan saluran penabungan elektronik terbesar untuk SSPN.

Selama tempoh percubaan selama 11 bulan, penabungan melalui lima saluran yang ditawarkan Maybank telah mencecah RM11.29 juta.

Sementara itu, SSPN berjaya mengumpul deposit RM165.37 juta sehingga 31 Oktober lalu dengan purata pembukaan akaun baru melebihi 40,000 sebulan.

Skim yang dijamin oleh kerajaan itu telah dilancarkan pada tahun 2004 untuk semua warganegara Malaysia dengan simpanan permulaan sebanyak RM20.